

22 AUG 2001

MAHATHIR-UGANDA

PELUANG PELABURAN UNTUK AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DI UGANDA

PETALING JAYA, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat banyak peluang pelaburan berpotensi yang boleh diceburi oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia di Uganda.

Ini ialah kerana Uganda mempunyai potensi cerah untuk terus maju sementara produk-produk Malaysia pula diterima baik di negara berkenaan, kata beliau kepada pemberita di Subang sekembalinya beliau dari lawatan kerja ke Uganda.

Contohnya, Perdana Menteri itu berkata yang kemudahan-kemudahan infrastruktur Uganda agak lemah kerana untuk sebuah negara yang mempunyai jumlah kependudukan hampir menyamai Malaysia iaitu seramai 22 juta orang, kapasiti penjanaan kuasanya hanyalah kira-kira 300 megawatts (MW) berbanding dengan kapasiti di Malaysia iaitu melebihi 10,000 MW.

Jalan-jalan di Uganda, walaupun lebih baik daripada sebelumnya, tidak begitu menyelesaikan, tambah beliau.

Bagaimanapun, potensi pelaburan untuk sektor pelancongan amat besar memandangkan Tasik Victoria di Uganda masih lagi belum dieksploitasi, kata Dr Mahathir.

"Tasik Victoria amat luas, tetapi saya lihat tiada satu botpun di sana, bot memancing dan bot riadah pun tidak kelihatan. Nampaknya, mereka langsung tidak memanfaatkan tasik itu dan saya percaya usahawan-usahawan Malaysia boleh membina pusat peranginan yang baik di sana," kata beliau.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Kampala pula mempunyai iklim yang sejuk, terletak kira-kira 4,000 kaki di atas paras laut dan mempunyai potensi cerah jika terus dimajukan.

Beliau berkata Uganda telah terlibat dalam ketegangan politik untuk beberapa ketika, dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya seperti Idi Amin dan Milton Obote tidak banyak berusaha untuk memajukan negara itu.

Bagaimanapun, presiden pada masa ini iaitu Yoweri Kaguta Museveni mempunyai minat untuk membangunkan Uganda dan ia terbukti berjaya.

Memandangkan hubungan antara kerajaan Malaysia dan Uganda amat baik, beliau berkata ahli-ahli perniagaan Malaysia mempunyai peluang untuk melabur, dan juga mengendalikan operasi perdagangan secara langsung antara kedua-dua buah negara.

"Mereka mendakwa, sebaik sahaja mencapai kemerdekaan, pendapatan per kapita mereka sama dengan Malaysia iaitu pada AS\$300 tetapi ia kekal statik sehingga sekarang sementara pendapatan per kapita Malaysia telah meningkat kepada AS\$5,000. Mereka amat kagum dengan Malaysia dan berhasrat untuk belajar dari kita," tambah perdana menteri.

Dengan adanya pusat perniagaan Malaysia di sana, Dr Mahathir mendapati produk-produk Malaysia mendapat penerimaan yang menggalakkan dari rakyat Uganda. Contohnya, beliau berkata, hampir kesemua lampu kalimantang di negara itu diimport dari Malaysia.

"Jika kita betul-betul serius mempromosikan produk kita, kita boleh eksport banyak lagi ke Uganda dan kita juga boleh beli produk mereka seperti teh, kopi dan kapas. Ini juga amat baik untuk pelaburan Malaysia", kata beliau. -- BERNAMA

SHO SEL AA